

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA: KAJIAN RINTIS

Siti Hajar Abdul Rauf¹, Azlini Chik, Normala Riza, Sabri Sulaiman & Nuruaslizawati Ayob

Pusat Pengajian Kerja Sosial

Universiti Sultan Zainal Abidin

Faridah Awang

Institut Sosial Malaysia

Abstract

Domestic violence is a severe social problem which affects one's well-being. The Royal Malaysian Police statistics show that the number of reported cases is increasing, indicating that this matter needs attention. Thus, a pilot study was conducted to find out the public's perception of domestic violence. This study uses a quantitative design through a survey method. This study was conducted in Terengganu through a simple random sampling technique. A total of 65 sample people were selected to be respondents for the pilot study, while a total of 1,239 respondents from all over Malaysia were involved in the actual study. The collected questionnaires were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 25 and descriptive analysis. The study found that the community has a high perception of domestic violence. However, the community lacks knowledge about the Domestic Violence Act. Therefore, without delay, a framework that focuses on increasing community awareness and understanding of domestic violence needs to be developed for the well-being of every layer of society in the community.

Keywords: Domestic violence, public's perception of domestic violence, physical violence, emotional violence, economic violence, sexual violence.

Abstrak

Keganasan rumah tangga merupakan satu masalah sosial yang serius dan mampu memberi kesan kepada kesejahteraan hidup seseorang. Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan bilangan kes yang dilaporkan adalah semakin meningkat dan ini memberi indikasi bahawa perkara ini perlu diberi perhatian. Justeru, satu kajian rintis telah dijalankan bagi mengetahui persepsi masyarakat terhadap Keganasan Rumah Tangga (KRT). Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Kajian ini dilakukan di Negeri Terengganu melalui teknik persampelan rawak mudah. Seramai 65 orang sampel telah dipilih untuk menjadi responden bagi tujuan kajian rintis

¹Penulis Koresponden: hajarrauf@unisza.edu.my

manakala seramai 1,239 orang responden dari seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25 dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat mempunyai persepsi yang tinggi terhadap KRT. Namun, masyarakat kurang berpengetahuan mengenai akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT). Oleh itu, dicadangkan satu rangka kerja yang memfokuskan kepada keperluan meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang KRT perlu dibangunkan dengan segera demi kesejahteraan hidup setiap lapisan masyarakat dalam komuniti.

Kata kunci: Keganasan rumah tangga, persepsi awam mengenai keganasan domestik, keganasan fizikal, keganasan emosi, keganasan ekonomi, keganasan seksual

PENDAHULUAN

Keganasan Rumah Tangga (KRT) merupakan salah satu masalah sosial yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat. Menurut Nurua Slizawati et al. (2021), KRT berlaku dalam pelbagai etnik, kelompok sosial, ekonomi, dan agama. Walaubagaimana pun, KRT dipandang berbeza dari aspek negara atau budaya. KRT lazimnya dilakukan oleh individu yang saling berhubungan sama ada suami, isteri, bekas pasangan, anggota keluarga, rakan atau kenalan. Keganasan rumah tangga berlaku bertujuan untuk mengawal sehingga mendatangkan kecederaan atau menyebabkan kecederaan tidak kira sama ada secara fizikal, emosi atau seksual. Sajaratulnisa dan Noor Azmi (2008) menyatakan bahawa keganasan rumah tangga merupakan penyumbang terbesar dalam masalah seseorang dan kepada kesihatan individu.

Statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2021 mendapati terdapat sebanyak 7,468 kes keganasan rumah tangga (KRT); berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 5,260 kes. Walaupun kes keganasan rumah tangga sedikit menurun pada tahun 2022 dengan iaitu sebanyak 4,162 kes, pelaporan mengenainya masih ditahap membimbangkan walaupun negara dalam fasa endemik COVID-19. Laporan daripada akhbar mendapati terdapat sebanyak 353 kes. Dalam pada itu, KRT yang dilaporkan kepada PDRM sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan dan 135 panggilan berhubung kes KRT direkodkan melalui Talian Kasih di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (Muhaamad Hafis, 2020). Menurut World Health Organization atau WHO (1998), faktor kepada berlaku KRT adalah disebakan pengaruh alkohol, perbezaan jantina, struktur sosial untuk lelaki dan wanita dari sudut perbezaan kekuatan dan saiz tubuh badan.

Terdapat pelbagai motif kejadian yang dilaporkan kepada PDRM seperti perselisihan faham, pengambilan bahan terlarang (dadah dan alkohol), masalah kewangan, cemburu, masalah anak, perebutan harta, tekanan perasaan, mental,

masalah keluarga, curang, proses penceraian dan panas baran. Kajian oleh Wake dan Kandula (2022) juga menemui faktor seperti tekanan perasaan, kehilangan pekerjaan disebabkan lockdown, ketiadaan wang simpanan mencukupi, ketagihan bahan terlarang seperti dadah dan alkohol, teknologi, dan kuarantin untuk jangka masa yang lama menyumbang kepada berlakunya KRT.

KAJIAN LEPAS

Keganasan rumah tangga meninggalkan kesan bukan sahaja kepada morbiditi malah juga kematian. Corak keganasan yang berlaku mengakibatkan ketidakseimbangan kuasa menyebabkan individu yang berada dalam hubungan intim atau pernah berada dalam hubungan intim berada dalam ketakutan. Pekerja sosial di United Kingdom, mentakrifkan KRT sebagai sebarang kejadian atau corak insiden untuk mengawal, memaksa atau mengancam tingkah laku, keganasan atau penderaan ke atas mereka yang berumur 16 tahun ke atas yang merupakan atau pernah menjadi pasangan intim atau ahli keluarga tanpa mengira jantina atau seksualiti mereka (Dey & Thakar, 2022).

Bagi konteks Malaysia, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 mentakrifkan KRT seperti berikut:

1. dengan tidak sengaja menggunakan harta mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesusahan akibat kerugian kewangan;
2. mengancam mangsa dengan niat menyebabkan mangsa takut sama ada terhadap dirinya atau hartanya, keselamatan orang ketiga atau mengalami penderitaan;
3. memberitahu mangsa atau orang ketiga, dengan niat untuk menghina mangsa melalui sebarang cara, elektronik atau selainnya;
4. menyebabkan penderaan psikologi termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
5. menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa keizinan mangsa atau jika persetujuan diberikan, persetujuan itu diperolehi secara paksaan; atau
6. dalam kes di mana mangsa adalah kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Keganasan rumah tangga dilihat secara konsisten melibatkan kuasa dan kawalan di mana kesemua dinamik sosiologi merujuk tentang stereotaip lelaki dan wanita. Ketidakseimbangan kuasa yang dikekalkan menggunakan teknik kawalan kendiri menyebabkan mangsa berada dalam ketakutan (Randawar & Jayabalan,

2018). Stereotaip gender ini menyebabkan lelaki menyalahgunakan kuasa, tidak mengamalkan kesaksamaan dan diskriminasi yang mengakibatkan keganasan. Lelaki dianggap mempunyai “keistimewaan” disebabkan oleh sistem patriarki. Sebagai contoh, lelaki sering mendominasi dalam menjawat sesuatu jawatan tidak kira sama ada dalam bidang pekerjaan, keagamaan atau dalam masyarakat. Manakala wanita disosialisasikan untuk menjadi suri rumah tangga untuk menjaga dan mengasuh anak-anak (Nuruas Lizawati et al., 2021).

Pence dan Paymer (1993), melihat KRT disebabkan oleh beberapa titik perbezaan untuk mengekalkan kuasa dan kawalan. Model roda Kuasa Dan Kawalan atau lebih dikenali sebagai *The Model of Power and Control Wheel* digunakan untuk membantu menggambarkan perilaku pelaku, mangsa dan komuniti. Tujuannya adalah untuk mengubah tingkah laku, memahami hubungan keganasan dan mencari penyelesaian tanpa berlakunya kekerasan dalam hubungan. Terdapat lapan dimensi penyalahgunaan yang digunakan dalam model roda kuasa dan kawalan; iaitu: i) ugutan, ii) penyalahgunaan emosi, iii) pengasingan sosial, iv) menafikan dan menyalahkan, v) menggunakan kanak-kanak, vi) menggunakan keistimewaan lelaki, vii) penyalahgunaan ekonomi, dan viii) menggunakan paksaan dan ancaman. Dominasi kuasa dan/atau kawalan yang dimiliki oleh suami dan/atau isteri menyebabkan berlakunya keganasan dalam rumah tangga.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Menurut Creswell dan Creswell (2018), kaedah tinjauan bertujuan untuk memperihalkan tentang aliran, sikap, pendapat, kelakuan atau watak berdasarkan kepada sampel atau populasi kajian. Sampel kajian rintis melibatkan seramai 65 responden di mana seramai 41 orang responden dipilih untuk menjawab soal selidik secara manual dan 24 orang dipilih secara maya (*Google Form*). Kesemua data daripada Kajian Rintis telah disaring sewajarnya bagi meneliti kesesuaian kepada perjalanan kajian sebenar. Oleh yang demikian, seramai 1,239 orang responden dari seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh dikumpul, dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25. Teknik analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan dan peratus persepsi masyarakat terhadap kegaansan rumah tangga.

DAPATAN

Jadual 1 menunjukkan persepsi masyarakat terhadap KRT, dari kajian rintis. Sebanyak 98.5% (64 orang) responden faham tentang KRT dan 1.5% (seorang) daripadanya tidak faham tentang KRT. Dari segi bentuk KRT, didapati majoriti responden menganggap bahawa keganasan fizikal, emosi, seksual dan ekonomi merupakan salah satu bentuk KRT dengan nilai peratusan masing-masing sebanyak 98.5% (64 orang), 96.9% (63 orang) 96.9% (63 orang) dan 83.1% (54 orang). Walau bagaimanapun, bagi pengetahuan responden tentang akta KRT, didapati sebanyak 53% (34 orang) responden tahu tentang akta KRT dan 47.7% (31 orang) responden tidak tahu tentang akta KRT.

Jadual 1 Persepsi Masyarakat terhadap Keganasan Rumah Tangga - Kajian Rintis

Pernyataan	Ya (N=65 /%)	Tidak (N=65 /%)
Saya faham mengenai keganasan rumah tangga.	64(98.5)	1(1.5)
Keganasan fizikal merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	64(98.5)	1(1.5)
Keganasan emosi merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	63(96.9)	2(3.1)
Keganasan seksual merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	63(96.9)	2(3.1)
Keganasan ekonomi merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	54 (83.1)	11 (16.9)
Saya tahu tentang Akta Keganasan Rumah Tangga.	31 (47.7)	34(52.3)

Jadual 2 pula menunjukkan persepsi masyarakat terhadap KRT, dari kajian sebenar. Sebanyak 99.2% (1,229 orang) responden faham tentang KRT dan 0.8% (10 seorang) daripadanya tidak faham tentang KRT. Dari segi bentuk KRT, majoriti responden menganggap bahawa keganasan fizikal, emosi, seksual dan ekonomi merupakan salah satu bentuk KRT dengan nilai peratusan masing-masing sebanyak 99% (1,226 orang), 97.9% (1,213 orang) 96.9% (1,200 orang) dan 79.3% (983 orang). Walau bagaimanapun, bagi pengetahuan responden tentang akta KRT, sebanyak 66.4% (823 orang) responden tahu tentang akta KRT dan 33.6% (416 orang) responden tidak tahu tentang akta KRT.

Jadual 2 Persepsi Masyarakat terhadap Keganasan Rumah Tangga – Kajian Sebenar

Pernyataan	Ya (N=1,239/%)	Tidak (N=1,239/%)
Saya faham mengenai keganasan rumah tangga.	1,229(99.2)	10(0.8)
Keganasan fizikal merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	1,226(99)	13(1.0)
Keganasan emosi merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	1,213(97.9)	26(2.1)
Keganasan seksual merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	1,200(96.9)	39(3.1)
Keganasan ekonomi merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga.	983 (79.3)	256 (20.7)
Saya tahu tentang akta keganasan rumah tangga.	823 (66.4)	416(33.6)

PERBINCANGAN

Dapatan di atas menunjukkan yang KRT telah membentuk satu persepsi di mana pada awalnya masyarakat tidak menganggap isu keganasan ini sebagai isu yang serius dan perlu disembunyikan kerana dianggap bersifat peribadi. Menurut Webster et al. (2018), sikap merupakan salah satu aspek yang mempengaruhi hubungan dengan individu di sekeliling. Sikap dan tahap pengetahuan wanita yang rendah terutama mengenai hak dalam undang-undang adalah faktor utama berlakunya masalah KRT (Nazli et al., 2016).

Menurut Abdul Ghani et al. (2016) pula, kebanyakan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga enggan mendedahkan penderaan dan menyembunyikan pengalaman daripada masyarakat. Kajian Nuruas Lizawati dan Siti Hajar (2021) serta Othman et al. (2014), mendapati sesetengah wanita mempercayai bahawa apabila mereka telah berkahwin, mereka “dimiliki” oleh suami dan adalah menjadi hak suami untuk memukul isterinya dengan alasan tertentu. Ini kerana, kebanyakan masyarakat masih menganggap isu ini sebagai isu kekeluargaan. Malah tidak ramai mangsa yang berani bersuara untuk memberi keterangan mengenai isu “dalam kain” ini demi menjaga nama baik keluarga.

Seterusnya, kajian Saffari et al (2017) mendapati wanita tanpa mengira umur, status perkahwinan, bilangan anak, tahap pendidikan, status pekerjaan, penyalahgunaan bahan, dan status ekonomi berisiko terhadap semua bentuk keganasan. Keganasan fizikal dilihat sebagai satu bentuk keganasan yang mampu dilihat secara visual dan jelas dimana tindakan ini mampu menimbulkan rasa sakit dan meninggalkan kesan kepada mangsa. Keganasan ini merupakan keganasan yang paling umum dan sukar disembunyikan kerana mempengaruhi penampilan baik kepada lelaki maupun perempuan. Tindakan yang terdiri daripada serangan fizikal seperti menendang, mencubit, memukul, membakar, mencekik, melemparkan objek, menggunakan senjata sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian. Menurut Robert (2018), perbuatan menakut-nakutkan, membahayakan dan mengancam sama ada secara lisan atau fizikal dengan niat untuk menimbulkan kemudaratannya dianggap keganasan fizikal. Keganasan fizikal merupakan keganasan yang paling umum dan sukar disembunyikan kerana mempengaruhi penampilan serta mengakibatkan kematian baik kepada lelaki maupun perempuan.

Berbeza daripada keganasan fizikal yang secara umumnya melibatkan kecederaan pada anggota badan, keganasan emosi lazimnya memberi kesan kepada mental. Keganasan emosi merujuk kepada sebarang perbuatan yang merosakkan harga diri, identiti diri, kesihatan dan perkembangan seseorang. Tujuannya adalah untuk memanipulasi dan menghina melalui pelbagai corak (Zabihzadeh et al., 2015). Menurut Slabbert dan Green (2013), wanita yang mengalami KRT kerap menerima maklum balas negatif dari pasangan mereka mengenai kekurangannya dari pelbagai aspek seperti perwatakan, kebolehan, daya tarikan dan personaliti. Perkara ini mampu menimbulkan rasa takut atau trauma apabila tidak dapat mengawal keadaan yang telah berlaku. Akibatnya, seseorang mungkin mengalami tekanan perasaan, hilang keyakinan diri dan mengalami tekanan perasaan yang teruk seperti *Posttraumatic Stress Disorder* (PTSD).

Keganasan seksual pula merupakan satu tingkah laku kompleks dan kasar yang sering berlaku dalam hubungan heteroseksual. Keganasan seksual ditakrifkan sebagai apa-apa jenis hubungan yang tidak diingini atau kelakuan seksual yang dilakukan secara paksa, ancaman atau menggunakan kekerasan. Keganasan seksual sering berlaku sepanjang tempoh perkahwinan tetapi tidak disuarakan (*silent code*) (Towns & Adams, 2016). NurFadhilah (2014) mendapati keganasan seksual dimulai dengan sikap yang cenderung memperlakukan isteri secara kasar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, mengancam dan mengugut sehingga menyebabkan gangguan emosi dan psikologi terhadap mangsa akibat makian dan celaan. Kajian oleh Tengku Nur Fadzilah et al. (2015), melaporkan seramai 58.9 peratus daripada 316 responden mangsa KRT diperlaku secara kasar dalam hubungan seksual. Nurul Hasna dan Akram (2017), berdasarkan fail-fail pembubaran perkahwinan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah dan Pulau Pinang mendapati bahawa keganasan seksual

dalam rumah tangga merupakan penyumbang kepada penceraian di Malaysia.

Selain itu, media turut mengulas tentang penderaan seksual di mana seorang suami menuntut haknya dalam keadaan yang tidak sesuai iaitu semasa haid dan bertindak memukul isterinya apabila menolak kemahuannya (Chua, 29th August, 2016). Perkara ini juga dilihat mempunyai pengaruh dengan keinginan seksualiti lelaki dan keperluan biologi yang perlu dipenuhi; ditambah pula stigma bahawa perempuan merupakan tarikan kepada lelaki untuk melakukan hubungan seksual sama ada secara paksa atau sukarela (Nurul Hasna, 2017).

Seterusnya, keganasan ekonomi dilihat sebagai satu bentuk keganasan berdasarkan perubahan struktur jantina. Kajian oleh Karupiah dan Gopal (2017) mendapati bahawa penyumbang utama KRT bagi masyarakat India di Pulau Pinang adalah kemiskinan dan tekanan. Keganasan ekonomi merujuk kepada corak tingkah laku yang menganggu keupayaan pasangan terutama dalam memperoleh, menggunakan atau mengekalkan sumber ekonomi (Gibbs et al., 2014). Penafian untuk mengakses kewangan dan bekerja juga dianggap keganasan ekonomi. Kajian daripada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) mendapati bahawa pergantungan kewangan kepada pelaku telah mendedahkan wanita kepada KRT. Seramai 52 wanita daripada 192 wanita yang berlindung di WAO pada tahun 2015 dan 2016 menyatakan bahawa menjadi suri rumah tangga adalah bukan atas pilihan mereka, tetapi kerana pasangan (suami) memaksa untuk tetap tinggal di rumah (WAO, 2017).

Randawar dan Jayabalan (2018) pula melihat keganasan ekonomi bukan hanya terdiri daripada pegangan sokongan kewangan atau menghalang seseorang daripada mencari pekerjaan tetapi termasuk memaksa seseorang untuk menuntut pembayaran keselamatan sosial, menandatangani kuasa wakil, menandatangani kontrak untuk pembelian barang atau harta benda, untuk menandatangani kontrak untuk penyediaan kewangan, pinjaman atau kredit, menandatangani kontrak jaminan dan menandatangani mana-mana dokumen undang-undang untuk penubuhan atau pengendalian perniagaan.

Kesedaran dan advokasi yang berterusan dalam memberi kefahaman untuk menghentikan keganasan haruslah merupakan satu keperluan penting terutama dalam memerangi stigma dan meningkatkan pengetahuan masyarakat berkait tentang KRT. Oleh itu, Akta Profesional Kerja Sosial adalah perlu untuk memberi pengiktirafan tertinggi kepada bidang kerja sosial di Malaysia (Amin et al., 2020). Penggubalan Rang Undang-undang Kerja Sosial adalah sangat wajar diperkenalkan di Malaysia sebagai salah satu usaha pencegahan dan pendidikan terutama dalam KRT di samping memartabatkan profesion kerja sosial. Pendidikan berkaitan bahayanya keganasan yang berlaku dalam kalangan masyarakat bukan sahaja perlu berfokus kepada pendidikan formal tetapi perlu dihebahkan melalui media massa

seperti televisyen, radio, akhbar, majalah, seminar, kursus secara atas talian dan lain-lain lagi.

KESIMPULAN

Meskipun terdapat banyak kajian dan intervensi mengenai keganasan rumah tangga telah dilakukan, namun masalah ini masih berada pada tahap yang membimbangkan. Kelaziman masyarakat melaporkan kes keganasan rumah tangga adalah rendah. Kesefahaman dan kerjasama semua pihak dalam menangani kes KRT adalah perlu dengan menjelaskan hak dan tanggungjawab individu sama ada dari aspek sivil atau syariah. Ini kerana, Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 turut menejelaskan bahawa “semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”. Rentetan itu, pelbagai inisiatif sosial perlu dilaksanakan atau ditambahbaik bagi mengurangkan persepsi dan meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat mengenai KRT di Malaysia. Pengalaman wanita yang mengalami masalah KRT menunjukkan bahawa kadangkala mereka takut untuk berkongsi apa yang dialami. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kesan keganasan emosi yang sering ditadbir oleh pesalah kepada mangsa.

Sebagai tindakan susulan, menurut kajian ini adalah dicadangkan pendekatan berbentuk atas-bawah (*top-down*) dan bawah-atas (*bottom-up*) kepada setiap lapisan masyarakat agar mereka lebih peka terutama dalam membezakan isu, bentuk atau faktor KRT. Pendekatan berdasarkan bawah-atas adalah merujuk kepada tindakan sokongan sosial dari sektor tidak formal (rakan-rakan, keluarga, jiran) dan program-program pemerkasaan komuniti. Tujuannya adalah untuk berkongsi pengalaman atau masalah mengurangkan risiko keganasan.

Selain itu, pendekatan berdasarkan atas-bawah pula merujuk kepada faktor yang komprehensif dalam membuat keputusan. Pendekatan atas-bawah ini merupakan usaha kerajaan untuk mengenal pasti situasi atau keadaan atau gambaran bagi mengambil insiatif yang terbaik untuk menjadi penggerak utama dalam mencapai matlamat akhir. Faktor ini melibatkan pengukuhan sekatan sosial, peranan media dalam menyampaikan maklumat tentang isu KRT, jaringan bersepadu antara masyarakat setempat dengan agensi tertentu dalam mengurangkan KRT, menubuhkan satu agensi khusus yang bertanggungjawab menguruskan kes KRT dan penempatan pekerja sosial keluarga di pejabat agama setiap negeri dan daerah.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, M., Ahmad, N. A., & Mohamad, A. (2016). Profiles of domestic violence victims and perpetrators: a qualitative research perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 4(1), 43-50.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (1994), (Akta 521), Vol. 1994, Akta 521.
- Amin, S. M., Mohamad, M. S., & Azizul, M. D. A. (2020). Analisa Perspektif Kepentingan Akta Profesjon Kerja Sosial di Malaysia. *Abqari Journal*, 23(1), 196–212.
- Chua, A. (29th August, 2016). Women Lodges Over ‘Sex-Crazed’. *The Star*.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Dey, T., & Thakar, R. (2022). Domestic violence: an invisible pandemic. *The Obstetrician & Gynaecologist*, 24(2), 90.
- Gibbs, A., Sikweyiya, Y., & Jewkes, R. (2014). ‘Men value their dignity’: securing respect and identity construction in urban informal settlements in South Africa. *Global health action*, 7(1), 23676.
- Karupiah, P., & Gopal, P. S. (2017). Intimate partner violence and poverty: Malaysian Indian women in Penang, Malaysia. *Global Currents in Gender and Feminisms: Canadian and International Perspectives*, pp. 225-236.
- Muhaamad Hafis, N. (2020). PKP: 353 Kes Keganasan Rumah Tangga Dilaporkan. Di ambil pada 10 Oktober 2022, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567642/pkp-353-kes-keganasan-rumah-tangga-dilaporkan>
- Nazli, M., Aspalella, A. R., Asmar, A. R., & Che Thalbi, I. (2016). Domestic Violence Court: A New Model to Combat Domestic Violence Against Women In Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 7, 95-105.
- NurFadhilah, Yahya. (2014). *Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor*. Jurnal penyelidikan yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuruaslizawati, A. & Siti Hajar, A. R. (2021). *Keganasan Rumah Tangga: Konsep dan Bentuk-bentuk Keganasan Rumah Tangga*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Nuruaslizawati, A., Siti Hajar, A. R., & Nurwahidatul, S. (2021). Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga di Ipoh, Perak. *e-BANGI*, 18(3), 208-220.

- Nuruasлизawati, A., Siti Hajar, A. R., & Nur Masliza, S. (2021). Tahap Pengetahuan Masyarakat Kelantan Terhadap Keganasan Rumah Tangga. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 72-79.
- Nurul Hasna' H., & Akram, D. (2017). Keganasan Seksual Dalam Rumah tangga: Faktor Penyumbang Berdasarkan Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 335 - 351.
- Nurul Hasna, H. (2017). *Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual Dalam Rumah tangga: Kajian Di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia*. Tesis: Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Othman, S., Goddard, C., & Piterman, L. (2014). Victims' barriers to discussing domestic violence in clinical consultations: A qualitative enquiry. *Journal of interpersonal violence*, 29(8), 1497-1513.
- Pence, E., & Paymar, M. (1993). *Education groups for men who batter: The Duluth model*. Springer Publishing Company.
- Pertubuhan Pertolongan Wania (WAO). (2017). Persektif mengenai Keganasan Rumah Tangga: Peyelarasian Gerak Balas Komuniti terhadap Isu Komuniti.
- PKP: 353 Kes Keganasan Rumah Tangga Dilaporkan. (2020). My metro.
- Polis Diraja Malaysia. (2021). Statistik Kes Keganasan Rumah Tangga bagi Tahun 2018 hingga 2021.
- Randawar., D. K., & Jayabalan, S. (2018). The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison. *Akademika*, 88(3), 77-89.
- Roberts, D. C. (2018). *Child contact, domestic violence, and family law in Australia*. Ph. D Dissertation: Univesity of Adelaide.
- Saffari, M., Arslan, S. A., Yekaninejad, M. S., Pakpour, A. H., Zaben, F. A., & Koenig, H. G. (2017). Factors associated with domestic violence against women in Iran: An exploratory multicenter community-based study. *Journal of Interpersonal Violence*, 0886260517713224.
- Sajaratulnisah Othman & Noor Azmi Mat Adenan. (2008). Domestic Violence Management In Malaysia: A Survey on he Primary Healthcare Providers In Asia. *Pacific Family Medicine*, 7(1), 2 doi: 10. 1186/1447-056x-7-2.
- Slabbert, I., & Green, S. (2013). Types of domestic violence experienced by women in abusive relationships. *Social Work*, 49(2):234-247.

- Tengku Nur Fadzilah, T. H., Siti Hawa, A., & Halim, S. (2015). Patterns of help-seeking among women experiencing intimate partner violence in Malaysia. *Asian Journal of Women's Studies* 21(1), 77-92.
- Towns, A. J., & Adams, P. J. (2016). "i didn't know whether i was right or wrong or just bewildered" ambiguity, responsibility, and silencing women's talk of men's domestic violence. *Violence Against Women*, 22(4), 496-520.
- Wake, A. D., & Kandula, U. R. (2022). The global prevalence and its associated factors toward domestic violence against women and children during COVID-19 pandemic—"The shadow pandemic": A review of cross-sectional studies. *Women's Health*, 18, 17455057221095536.
- Webster, K., Diemer, K., Honey, N., Mannix, S., Mickle, J., Morgan, J., Parkes, A., Politoff, V., Powell, A., Stubbs, J., & Ward, A. (2018). *Are we there yet? Australians' attitudes towards violence against women & gender equality*. In summary finding from the 2017 National Community Attitudes towards Violence against Women Survey (NCAS).
- Zabihzadeh, S., Hashim, R. S., & Wei, G. C. C. C. (2015). Domestic Violence against Women in Atiq Rahimi's The Patience Stone. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3), 51-66..